



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA APRIL 2025

Pengeluaran sektor Pembuatan meningkat 5.6 peratus, memacu pertumbuhan Indeks Pengeluaran Perindustrian pada April 2025

PUTRAJAYA, 11 Jun 2025 – Indeks Pengeluaran Perindustrian merekodkan pertumbuhan 2.7 peratus pada April 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, April 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "IPP meningkat sebanyak 2.7 peratus pada April 2025, disumbangkan oleh pertumbuhan dalam sektor Pembuatan sebanyak 5.6 peratus. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing menyusut 6.3 peratus dan 1.6 peratus."

Dalam sektor Pembuatan, industri berorientasikan eksport pada April 2025 terus meningkat sebanyak 6.4 peratus, selepas mencatatkan peningkatan 4.8 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi ini didokong terutamanya oleh Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan yang mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 22.8 peratus, dan semakin disokong oleh Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal (11.1%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun 10.2 peratus (Mac 2025: 10.1%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik berkembang 3.9 peratus pada April 2025, selepas pertumbuhan 2.3 peratus direkodkan pada Mac 2025. Momentum

positif ini disumbangkan oleh Pembuatan produk prosesan makanan (8.2%); Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan (5.0%); dan Pembuatan logam asas (6.0%). Berbanding bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik menaik 0.3 peratus.

Mengulas mengenai prestasi sektor Perlombongan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Penyusutan 6.3 peratus dalam sektor Perlombongan pada April 2025 didorong oleh pengurangan dalam pengeluaran bagi Gas Asli dan Petroleum Mentah & Kondensat, masing – masing sebanyak 10.0 peratus dan 0.7 peratus. Berasaskan bulan ke bulan, indeks Perlombongan susut sebanyak 13.9 peratus, berbanding pertumbuhan 17.8 peratus yang direkodkan pada Mac 2025.”

Sementara itu, indeks Elektrik mencatatkan penurunan sebanyak 1.6 peratus pada April 2025, bertambah baik daripada penyusutan 2.2 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Berbanding Mac 2025, indeks Elektrik menurun 3.1 peratus.

Di peringkat global, IPP bagi kebanyakan negara menunjukkan trend peningkatan pada April 2025, dengan kenaikan kukuh tahun ke tahun yang dicatatkan oleh Taiwan (22.3%) dan Vietnam (10.2%). Kenaikan yang sederhana juga dapat dilihat di negara-negara seperti China (6.1%), Singapura (5.9%), Korea Selatan (4.9%), Thailand (2.2%), Amerika Syarikat (1.5%) dan Jepun (0.7%) bagi April 2025.

Merumuskan prestasi IPP bagi tempoh Januari sehingga April 2025, Ketua Perangkawan berkata, “IPP meningkat sebanyak 2.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu (Januari – April 2024: 3.6%). Sepanjang tempoh tersebut, sektor Pembuatan merekodkan pengembangan 4.5 peratus, manakala sektor Perlombongan dan sektor Elektrik menyusut, masing-masing dengan 4.0 peratus dan 1.7 peratus.”


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, April 2024 – April 2025







**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Mac 2025 dan April 2025**



Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, April 2024 - April 2025




Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mac 2025 dan April 2025



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia,

Mac 2025 dan April 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JUN 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA APRIL 2025

Manufacturing Sector production increased by 5.6 per cent, induced the growth of Industrial Production Index in April 2025

PUTRAJAYA, 11 June 2025 – The Industrial Production Index (IPI) recorded a growth of 2.7 per cent in April 2025. This was reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in its release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, April 2025**, published today. The publication presents IPI statistics comprising three sectors: Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The IPI rose by 2.7 per cent in April 2025, contributed by the growth in the Manufacturing sector by 5.6 per cent. Inversely, Mining and Electricity sector declined by 6.3 per cent and 1.6 per cent, respectively."

In Manufacturing sector, the export-oriented industries in April 2025 grew further by 6.4 per cent, after registered 4.8 increase in the prior month. This performance was mainly driven by the Manufacturing of vegetable and animal oils and fats which posted double-digit growth of 22.8 per cent, and increasingly supported by the Manufacturing of computers, electronics and optical products (11.1%). On a month-on-month comparison, export-oriented industries decreased by 10.2 per cent (March 2025: 10.1%).

Similarly, domestic-oriented industries expanded by 3.9 per cent in April 2025, following 2.3 per cent recorded in March 2025. This positive momentum was contributed by the Manufacturing of food processing products (8.2%); Manufacturing of fabricated metal products, except machinery and equipment (5.0%); and Manufacturing of basic metals (6.0%). Compared to the preceding month, domestic-oriented industries increased by 0.3 per cent.

Commenting on the performance of the Mining sector, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The 6.3 per cent decline in the Mining sector in April 2025 was attributed to the reduced production for Natural Gas and Crude Petroleum & Condensate by 10.0 per cent and 0.7 per cent, respectively. On a month-on-month basis, the Mining index dropped by 13.9 per cent, compared to 17.8 per cent growth recorded in March 2025."

In the meantime, the Electricity index registered a decline of 1.6 per cent in April 2025, improving from the 2.2 per cent contraction recorded in the previous month. Compared to March 2025, the Electricity index fell 3.1 per cent.

Globally, the IPI in most countries showed an upward trend in April 2025, with robust year-on-year growth observed in Taiwan (22.3%) and Vietnam (10.2%). Moderate increases were also seen in countries such as China (6.1%); Singapore (5.9%); South Korea (4.9%); Thailand (2.2%); the United States (1.5%); and Japan (0.7%) for April 2025.

Summarising the IPI performance for the period of January to April 2025, the Chief Statistician stated, "The IPI increased by 2.4 per cent as compared to the same period last year (January – April 2024: 3.6%). During this period, the Manufacturing sector recorded an expansion of 4.5 per cent, while the Mining and Electricity sectors contracted by 4.0 per cent and 1.7 per cent, respectively."


ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.


The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
April 2024 – April 2025**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
April 2024 – April 2025**



**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
March 2025 and April 2025**





Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries,

Malaysia, April 2024 – April 2025



..... Export-Oriented Industries Domestic-Oriented Industries

Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, March 2025 and April 2025





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,

March 2025 and April 2025

YoY (%)

■ March 2025 ■ April 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 JUNE 2025